

PENDEKATAN KUALITATIF DALAM PEMERKASAAN
PENDIDIKAN AL-QURAN ABAD KE-21:
KAJIAN KAEDAH ABAHATA OLEH
INSTITUT PENGAJIAN AL-QURAN (IPaQ)[©]

*(A Qualitative Approach in the Empowerment of Al-Qur'an Education
in the 21st Century: ABAHATA Method Study
by Institute of Quranic Studies (IPaQ))*

Muhammad Mukhlis bin Muhammad Yunus,¹
M. Y. Zulkifli Mohd Yusoff,² Nur Akmal Zakiah binti Ahmad³

ABSTRACT

Facing the 21st century, UNESCO (1996) through the journal "The International Commission on Education for the Twenty First Century" has recommended lifelong education implemented based on four principles of the learning process, namely learning to know, learning to do, learning to be, and learning to live together. To realize these educational principles, teachers need to master and apply information and communication technology in learning, known as cyber teaching or e-learning, as well as in learning the Quran and Hadith. In this regard, innovative digital roles in learning the Quran and Hadith can help enhance achievement in Quranic and Hadith knowledge. However, despite the benefits of digital materials, there are marginalized groups such as the elderly, children, and others who may not have access to such materials. Therefore, natural learning as taught by the Prophet s.a.w to his companions, which involves face-to-face interaction, should not be

[©] This article was submitted on: 20/06/2024 and accepted for publication on: 29/06/2024.

¹ PhD, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

Email: abumustaqim@gmail.com.my

² Profesor, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

Email: zulkifliy@um.edu.my

³ Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

Email: nurakmalzakiah@gmail.com

overlooked because it also plays a role in helping marginalized groups master the knowledge of the Quran and Hadith. Hence, this study aims to examine a method of Quranic learning developed by the Institute of Quranic Studies (IPaQ), known as the ABAHATA method. This study employs a qualitative approach with a document analysis research design. Data collection involves using documents provided by IPaQ as primary sources and other scholarly materials such as articles, books, and official websites. The study findings indicate that the method used aligns with teachings attributed to the Prophet s.a.w. Additionally, it was found that this method can assist illiterate students in reading the Quran within 30 hours.

Keywords: *Empowerment, Al-Quran and al-Sunnah Education, 21st Century, ABAHATA, IPAQ*

ABSTRAK

Menghadapi abad ke-21, UNESCO (1996) melalui jurnal “*The International Commission on Education for the Twenty First Century*” telah merekomendasikan pendidikan yang berlanjutan (seumur hidup) dan dilaksanakan berdasarkan empat prinsip proses pembelajaran, iaitu: *Learning to know* (belajar untuk menguasai pengetahuan), *learning to do* (belajar untuk mengetahui keterampilan), *learning to be* (belajar untuk mengembangkan diri), dan *learning to live together* (belajar untuk hidup bermasyarakat). Bagi mewujudkan empat prinsip pendidikan, para guru perlu menguasai dan menerapkan teknologi informasi dan komunikasi dalam pembelajaran yang disebut sebagai *cyber teaching* atau *e-learning* begitu juga dalam pembelajaran Al-Quran dan Hadis. Dalam hal ini, peranan digital yang inovatif dalam pembelajaran Al-Quran dan Hadis dapat membantu meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran ilmu Al-Quran dan Hadith. Walaupun, terdapat banyak kebaikan dalam penggunaan bahan digital, namun terdapat golongan yang terpinggir dan tidak berkemampuan untuk mengakses bahan-bahan tersebut seperti warga emas, kanak-kanak dan sebagainya. Justeru pembelajaran secara natural sebagaimana yang diajarkan oleh Nabi s.a.w kepada para sahabat iaitu secara bersemuka tidak boleh dilupakan kerana ia juga berperanan dalam membantu golongan terpinggir menguasai ilmu al-Quran dan Hadis. Oleh yang demikian, kajian ini cenderung untuk mengkaji sebuah kaedah pembelajaran al-Quran yang dibina oleh Institut Pengajian Al-

Quran (IPaQ) iaitu kaedah ABAHATA. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis dokumen. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan dokumen-dokumen yang disediakan oleh pihak IPaQ sebagai sumber primer dan bahan ilmiah yang lain seperti artikel, buku, dan laman web rasmi. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah yang digunakan bersesuaian dengan apa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Selain itu, didapati bahawa, kaedah yang digunakan dapat membantu pelajar yang buta huruf al-Quran dapat membaca al-Quran dalam tempoh 30 jam.

Kata Kunci: *Pemeriksaan, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah, Abad 21, ABAHATA, IPAQ*

1. PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah merupakan elemen yang amat penting dan perlu diterapkan dalam kehidupan umat Islam. Hal ini kerana, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah merupakan panduan utama yang dapat membentuk dan melahirkan individu Islam yang seimbang dari sudut intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial yang bertepatan dengan ajaran Islam. Isi kandungan kedua-dua sumber ini dapat difahami melalui agenda Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.⁴ Oleh yang demikian, bagi memastikan ciri-ciri pembelajaran yang diajar lebih dinamik dan memenuhi keperluan pembelajaran abad ke21, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) sesuai untuk generasi masa kini.⁵

2. KEPENTINGAN PEMERKASAAN PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH DI ERA DIGITAL

Pendidikan berupaya memelihara dan memancarkan nilai-nilai asas sesebuah masyarakat dan begitu juga sebaliknya pendidikan juga boleh menjadi punca kekeliruan dalam sesebuah masyarakat. Pendidikan juga dapat membantu

⁴ Jamali, R. A., & Kasim, T. S. A. T. (2020). Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dalam Pengajaran Tarannum Al-Quran. *International Journal of Modern Education*, 2(7), 102-118

⁵ Ibid.

pertumbuhan sahsiah dan menyemai serta mengekalkan jati diri seseorang individu. Skop pendidikan dikatakan mencerminkan sikap dan kecenderungan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Demikian juga, pendidikan merupakan elemen terpenting dalam proses tumbesaran dan kematangan seseorang yang dapat melahirkan generasi yang berguna dan berakhlak mulia.⁶ Tujuan ini tidak dapat dicapai melainkan al-Quran dan al-Sunnah menjadi rujukan utama dalam pendidikan. Ianya perlu dijadikan satu agenda penting yang patut dilaksanakan mengikut landasan yang sewajarnya kerana pendidikan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara.

Namun pada abad 21 ini, dalam bidang pendidikan, teknologi mempunyai pengaruh penting dalam ilmu pengetahuan dimana para peserta didik diajarkan tentang gejala dan fakta alam dan dengan adanya teknologi ini manusia dapat menggunakannya untuk menerapkan ilmu pengetahuan tersebut.⁷ Teknologi membantu manusia untuk menciptakan sebuah inovasi yang dapat membantu mempermudah sebuah pekerjaan yang sangat menghabiskan tenaga, termasuk bagaimana ianya dapat digunakan bagi memperkasa Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah. Mencapai maklumat dan menyebarkan kebaikan serta senjata yang sangat ampuh dalam mematahkan serangan ideologi mana-mana pihak yang berusaha untuk menjatuhkan Islam. Membentuk insan yang soleh dan bertaqwa yang beribadah kepada Allah, membina kehidupan duniawinya mengikut syariat (hukum syarak) dan mengamalkannya bagi tujuan memantapkan imannya.⁸

3. MENGGALI NILAI-NILAI AL-QURAN DAN AL-SUNNAH DALAM PENDIDIKAN ABAD 21

Menghadapi abad ke-21, UNESCO (1996) melalui jurnal "*The International Commission on Education for the Twenty First Century*" menyarankan pendidikan lestari (seumur hidup) yang dijalankan berdasarkan empat tunjang proses

⁶ Zakaria Stapa. et. al. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah, *Jurnal Hadhari Special Edition*, 7–22.

⁷ Dian Rahadian. (2017). Teknologi Informasi Dan Komunikasi (TIK) Dan Kompetensi Teknologi Pembelajaran Untuk Pengajaran Yang Berkualitas, *Jurnal Teknologi Pendidikan Dan Pembelajaran* 2, (1), 234–254.

⁸ Ana Maritsa et al. (2021). Pengaruh Teknologi Dalam Dunia Pendidikan. *Al-Mutharabah: Jurnal Penelitian Dan Kajian Sosial Keagamaan* 18, (2), 91–100.

pembelajaran yaitu: *Learning to know* (Belajar untuk menguasai pengetahuan), *learning to-do* (belajar untuk mengetahui kemahiran), *learning to be* (belajar untuk mengembangkan diri), dan *learning to live* (belajar untuk hidup bermasyarakat). Untuk dapat merealisasikan empat tunjang pendidikan dalam era globalisasi maklumat kini, guru sebagai agen pembelajaran perlu menguasai dan mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pembelajaran.⁹

Keempat-empat kemahiran ini merupakan salah satu inisiatif yang diusahakan oleh dunia pendidikan barat dalam menyahut keperluan dan cabaran pendidikan pada abad ke-21 yang muncul sejak sedekad lalu setepatnya sejak 2010. Melalui wacana tersebut mereka memperjuangkan kemahiran abad ke-21 dan pembelajaran abad ke-21. Salah satu kumpulan yang melahirkan rangka kerja pembelajaran abad ke-21 ialah Perkongsian Untuk Kemahiran Abad Ke-21 - sebuah Organisasi Pengurusan Amerika Kebangsaan.¹⁰

Oleh kerana itu, pada abad ke-21 ini pendidik mahupun peserta didik mesti memiliki kemahiran 4 C. Kemahiran 4 C merupakan singkatan dari *Critical Thinking* (berpikir kritis), *Collaboration* (kemampuan bekerja sama dengan baik), *Communication* (kemampuan berkomunikasi), dan *Creativity and Innovation* (kreatifitas dan inovasi).¹¹ 4C ini termasuk dalam kegiatan pembelajaran secara umum yang melibatkan keterampilan berfikir tingkat tinggi (*Higher Order Thinking Skills* atau HOTS). HOTS diterpkan kepada guru dan peserta didik untuk mencapai kemahiran 4C di atas.¹²

Dari perspektif dan konteks nilai pengajaran Islam, keempat-empat kemahiran di atas bukanlah satu konsep baharu dalam pendidikan Islam. Asas-asas pengajaran dan contoh-contoh khusus boleh kita temui dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

⁹ Yohannes Marryono Jamun. (2018). Dampak Teknologi Terhadap Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Dan Kebudayaan Missio* 10 (1), 1–136.

¹⁰ <https://mtsmu2bakid.sch.id/4c-keterampilan-abad-21-dalam-al-quran/>oleh Sahrani, S.Pd.I., M. Pd.

¹¹ Slamet Suyanto. (2023). *Inovasi Dan Difusi Inovasi Pendidikan: Pendidikan Biologi*. Yogyakarta: Nas Media Pustaka, 9.

¹² Djuwairiah Ahmad. (2023). *Pembelajaran Berorientasi HOTS: Higher Order Thinking Skills*. Yogyakarta: Nas Media Pustaka, 2.

I. *Critical Thinking* (berfikiran kritis)

Pemikiran kritis ialah kebolehan memahami dan mengenal pasti masalah yang sedang dihadapi, menghubungkan satu maklumat dengan maklumat lain yang berkaitan, supaya pelbagai perspektif akan muncul, dan memperoleh penyelesaian kepada sesuatu masalah. Kemahiran berfikir kritis adalah sesuatu yang perlu dimiliki oleh para pendidik dan pelajar di tengah-tengah perkembangan teknologi dan arus maklumat yang pesat dalam era digital.¹³

Di dalam al-Quran, kita dapati satu konsep yang disebut tafakkur iaitu sikap yang amat dianjurkan untuk dimiliki dan dilaksanakan oleh setiap muslim. Menurut Yahya (2015) konsep tafakkur yang disebutkan di dalam al-Quran sama halnya dengan kemahiran berfikiran kritis dan seorang muslim digalakkan untuk memahami hakikat kewujudan dirinya dan pelbagai peristiwa kehidupan yang lain seperti merenungkan dan memikirkan alam semesta. Di dalam al-Quran kemahiran ini telah disebutkan di dalam firman Allah SWT.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطُلًا سُبْحَانَكَ قَوْلًا عَذَابَ النَّارِ

Terjemahan: Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari seksa neraka. (Ali 'Imran: 190-191)

Ayat di atas merupakan pujian Allah SWT kepada orang-orang beriman yang sentiasa memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi sehingga akhirnya dapat berinteraksi dengan konsep Ilahi dan dengannya mereka mampu mencapai kejayaan, kebaikan dan kebahagiaan hidup.¹⁴

¹³ [https://mtsmu2bakid.sch.id/4c-keterampilan-abad-21-dalam-al-quran/oleh Sahroni, S.Pd.I., M. Pd.](https://mtsmu2bakid.sch.id/4c-keterampilan-abad-21-dalam-al-quran/oleh%20Sahroni,%20S.Pd.I.,%20M.%20Pd.)

¹⁴ Ahzami Samiun Jazuli. (2006). *Kehidupan Dalam Pandangan Al Qur'an*, 1st ed. Jakarta: Gema Insani, 487.

Ketika ayat di atas diturunkan, Rasulullah SAW menangis¹⁵ seraya mengecam sesiapa yang telah membaca ayat di atas tetapi tidak mahu berfikir. Rasulullah SAW bersabda: (وَيَلِّمُنْ قُرْآنَهَا وَمَنْ يَتَفَكَّرْ), bermaksud: Celakalah sesiapa yang membacanya dan tidak mahu berfikir). (Sahih Ibn Hibban)¹⁶

II. *Collaboration* (kemampuan bekerja sama dengan baik)

Kolaborasi ialah keupayaan untuk bekerjasama, bersinergi antara satu sama lain, menyesuaikan diri dengan pelbagai peranan dan tanggungjawab, bekerja secara produktif dengan orang lain, meletakkan empati di tempat yang sepatutnya, dan menghormati perspektif yang berbeza. Dengan bekerjasama, setiap pihak yang terlibat dapat mengisi kekurangan masing-masing dengan kelebihan masing-masing. Lebih banyak pengetahuan dan kemahiran akan tersedia secara kolektif untuk mencapai hasil yang maksimum. Teknologi yang ada hari ini menjadikan peluang kepada pelajar untuk bekerjasama terbuka luas tanpa perlu dihadkan oleh jarak.¹⁷

Oleh itu, pelajar perlu dilengkapi dengan keupayaan untuk bekerjasama sebagai salah satu kemahiran abad ke-21 yang merangkumi kebolehan bekerja bersama secara berkesan dalam pasukan yang pelbagai, fleksibel dan mampu berkompromi untuk mencapai matlamat bersama, memahami tanggungjawab mereka dalam pasukan, dan menghargai pencapaian ahli pasukan yang lain.¹⁸

Antara ayat al-Quran yang menerangkan kemahiran ini telah banyak disebutkan di dalam al-Quran antaranya firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

¹⁵ Ahmad bin Mustafa al-Maraghi. (1946). *Tafsir Al-Maraghi*, cet. ke-1, jil. 4. Mesir: Syirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 162.

¹⁶ Abu Hatim Muhammad ibn Hibban ibn Ahmad al-Tamimi al-Busti, (Hadis no. 620 jil. 2). *Sahih Ibn Hibban*. Beirut: Mu`assasah al-Risalah, 386,

¹⁷ <https://mtsmu2bakid.sch.id/4c-keterampilan-abad-21-dalam-al-quran/> oleh Sahroni, S.Pd.I., M. Pd. Lihat juga Cucu Sutionah. (2022). *Perkembangan Peserta Didik*. Jawa Timur: Penerbit Qiara Media, 282.

¹⁸ Ibid.

Terjemahan: Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya. (Al-Ma'idah: 2)

Ayat di atas mengandungi elemen kolaborasi yang membawa kepada kebaikan dan menolaknya apabila membawa kepada maksiat dan kemungkaran. Dalam Falsafah humanisme seorang guru digalakkan membantu murid untuk berinteraksi dengan persekitaran mereka dengan aktiviti yang bersesuaian dengan murid.¹⁹ Ibnu Khaldun juga menekankan keperluan mengadakan kolaborasi sebagai salah satu kaedah pengajaran yang perlu dilaksanakan. Melalui kolaborasi dengan pihak yang mempunyai kepakaran, pemahaman terhadap sesuatu pengetahuan akan bertambah kukuh. Kolaborasi dalam pengajaran dan pembelajaran bukan semata-mata antara guru dan murid tetapi juga melibatkan ibu bapa dan komuniti.²⁰

Hal ini pun sesuai dengan yang disabdakan oleh Rasulullah Muhammad SAW dalam sebuah hadis Abu Musa al-'Asy'ari daripada Nabi Muhammad SAW:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا « وَشَبَّكَ أَصَابِعُهُ

Terjemahan: Sesungguhnya seorang mukmin dengan mukmin lainnya adalah seperti satu bangunan yang satu sama lain saling menguatkan. (Al-Bukhari).²¹

III. *Communication* (kemampuan berkomunikasi)

Komunikasi ialah aktiviti memindahkan maklumat dan pengetahuan, sama ada secara lisan dan bertulis atau dalam multimedia. Matlamat utama komunikasi adalah untuk menghantar mesej melalui media yang dipilih supaya dapat diterima dan difahami oleh penerima mesej. Kehadiran alat komunikasi yang

¹⁹ Noor Muslieah et al., (2022) 'Elemen Kolaborasi Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Heutagogi', *Jurnal Dunia Pendidikan* 4, (1) 72–86.

²⁰ Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak and Mohd Isa Hamzah. (2021). Kolaborasi dalam Penghasilan Inovasi Pengajaran. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 32 (2), 1-17.

²¹ Muhammad bin Isma'il al-Bukhari. (2001). Sahih Al-Bukhari, (Hadis no 481, jil. 1). 1st ed. Mesir: Dar Tuq al-Najah, 103.

canggih dalam era digital seperti telefon pintar dan sebagainya yang disambungkan ke rangkaian internet boleh digunakan sebagai medium komunikasi yang berkesan kepada warga pendidik dan pelajar.

Dalam hal ini, para pendidik dan pelajar dikehendaki memahami, mengurus dan mencipta komunikasi yang berkesan dalam pelbagai bentuk dan kandungan secara lisan, bertulis dan multimedia. Pelajar diberi peluang untuk menggunakan kebolehan mereka untuk menyatakan idea mereka, baik semasa berbincang dengan rakan mereka mahupun ketika menyelesaikan masalah daripada guru mereka.

Dalam al-Quran, komunikasi antara Allah dan manusia bukan sekadar memindahkan maklumat, tetapi Allah SWT juga ingin menerangkan tentang bentuk komunikasi yang diperlukan oleh manusia. Tidak dapat dinafikan bahawa informasi mengenai pola komunikasi dalam al-Quran ini dimaksudkan sebagai pedoman bagi orang-orang yang beriman agar mereka dapat mencapai impiannya, baik di dunia mahupun di akhirat. Oleh kerana itu, manusia harus memberi perhatian kepada bentuk komunikasi ini untuk mencapai matlamat hidup yang mereka harapkan.²²

Dalam al-Quran juga telah dijelaskan dengan sangat terperinci bagaimana seseorang itu mahu melakukan komunikasi. Terdapat lapan bentuk komunikasi iaitu: *Qawl Ma`rūf* (Perkataan yang baik dan sopan) (Al-Baqarah: 235), *Qawl Karīm* (Perkataan yang mulia) (Al-Isra` : 23), *Qawl Maysūr* (Perkataan yang mudah) (Al-Isra` : 28), *Qawl Layyin* (Perkataan yang lembut) (Taha: 43-44), *Qawl Sadīd* (Perkataan yang tepat, relevan, benar dan serasi),²³ (Al-Nisa` : 9), *Qawl Balīgh* (Perkataan yang fasih dan jelas dan berbekas dijiwa)²⁴ (Al-Nisa: 63), *Qawl Thaqīllā* (Perkataan yang mantap yang mengandungi nilai kebenaran),²⁵ (Al-Muzzammil: 5) dan *Qawl Azīm* (Perkataan besar yang memberi kesan) (Al-Isra` : 47)²⁶.

²² Sulkipli and Muhtar. (2021). Komunikasi Dalam Pandangan Al-Quran', *Pappasang* 3(1), 66–81.

²³ Ristek Muslim, Kamus Arab Indonesia (Digital Dictionary).

²⁴ Wahyu Ilahi. (2010). *Komunikasi Dakwah*. Bandung: Remaja Rosdakarya, 172.

²⁵ Ibid., 193.

²⁶ Jenis perkataan ini mengarah kepada perkataan yang membawa kepada dosa besar. Besarnya dosa dari perkataan ini kerana berkaitan dengan perbuatan orang-orang

Di dalam hadis Nabi SAW menyebutkan tentang kemahiran berkomunikasi yang berkesan. Nabi Muhammad SAW terkenal sebagai seorang penyampai yang hebat sebagaimana yang diriwayatkan dalam salah satu hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari.

عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ إِذَا سَلَّمَ سَلَّمَ ثَلَاثًا وَإِذَا تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَعَادَهَا
ثَلَاثًا

Dari Anas dari Nabi SAW, bahwa Nabi SAW apabila memberi salam, diucapkannya tiga kali dan bila berbicara dengan satu kalimat diulanginya tiga kali.²⁷

Pilihan kata dan Bahasa yang tidak sesuai dengan kemampuan dan psikologi lawan bicara akan menimbulkan fitnah sebagaimana ditulis oleh Imam Al-Ghazali dalam kitab *Ihya'*: (ما حدث أحد قوماً بحديث لم تبلغه عقولهم إلا كان فتنه عليهم), maksudnya: “Tidaklah seseorang menyampaikan sebuah pesan (pembicaraan) kepada sebuah komunitas yang tidak dipahami mereka, maka pesan tersebut akan menjadi fitnah (menimbulkan kekacauan) bagi mereka.”²⁸

IV. *Creativity and Innovation* (Kretiviti dan Inovasi)

Kreativiti ialah keupayaan untuk membangunkan, melaksanakan dan menyampaikan idea baharu kepada orang lain; bersikap terbuka dan responsif kepada perspektif baharu dan berbeza. Kreativiti juga ditakrifkan sebagai kebolehan seseorang untuk mencipta kombinasi baharu. Kreativiti ialah penyusunan strategi dalam sesuatu pengajaran dan menghasilkan idea yang kreatif.²⁹ Kreativiti juga adalah proses mereka cipta dan memupuk nilai inovasi

musyrik yang menjadikan Allah sebagai anak lelaki dan malaikat sebagai anak perempuan sebagaimana yang dijelaskan dalam surah al-Isra ayat 47.

²⁷ Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, 1: 30, (*Kitāb al-'Ilm, Bāb: Man A'āda al-Hadīth Thalāsan li yufhaman 'anhu, no. hadīth: 94*).

²⁸ Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (t.t) *Ihya' 'Ulum Al-Din* (Jil. 1). Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1: 99.

²⁹ Abd Hamid, M. A., Khalid, E., Hassan, Z., & Abu Kassim, O. (2003). Pendidik Kreatif Sebagai Teras Transformasi Literasi Kreatif Di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, 19-21 Oktober 2003, Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru*.

dalam diri individu.³⁰ Maka, jelas dilihat guru memainkan peranan penting dalam mencipta amalan kreativiti di sekolah.³¹

Sebelum amalan kreativiti itu diterapkan kepada murid, amat wajar bagi guru khususnya guru Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah menghayati dan mempraktikkan amalan kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21. Di antara amalan kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21 adalah mengaplikasikan Peta i-Think dalam PdP, penggunaan teknologi terkini atau TMK (Teknologi dan Komunikasi), kemahiran pedagogi dan transformasi kurikulum berunsurkan kreativiti.³²

Di dalam al-Quran, elemen kreativiti dalam kehidupan sangat digalakkan kerana ia akan menunjukkan manusia itu bergerak dan mahu berubah. Sudah tentu pergerakan dan perubahan itu ke arah perkara-perkara yang baik. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia.

(Al-Ra`d: 11)

Perubahan dalam diri sendiri merangkumi segala-galanya yang bersifat internal termasuk kepercayaan, pemikiran, idea, emosi, keadaan, keadaan, tingkah laku, tindakan, status atau perhubungan. Satu elemen penting yang menyumbang kepada menggalakkan kreativiti dan inovasi ialah pemikiran kritis. Menjadi kreatif dan kritis pada masa yang sama adalah seperti "dua belah syiling". Dalam banyak situasi, seseorang yang kreatif mempunyai fikiran yang kritis.³³

³⁰ Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizah Zulkifli., (2021). Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad Ke-21', *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4, (1) 40–54.

³¹ Ibid.

³² Ibid.

³³ Sahroni, S.Pd.I., M.Pd. Diakses pada 12/9/2023 <https://mtsmu2bakid.sch.id/4c-keterampilan-abad-21-dalam-al-quran/>

Berdasarkan kisah-kisah yang berkaitan dengan kehidupan Nabi SAW menunjukkan empat ciri kreativiti yang telah dilaksanakan iaitu: Kreatif, demonstrasi, inovasi dan analogi. Keempat-empat ciri ini perlu diintegrasikan dan diaplikasikan oleh para dai khususnya guru. Dapatan turut menggambarkan bahawa elemen kreativiti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW boleh digunakan ketika mendekati *mad'u* (yang beragama Islam, baru memeluk Islam dan belum menerima Islam³⁴ dan dapat sangat baik dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

4. INOVASI TEKNOLOGI UNTUK MENINGKATKAN KUALITI BELAJAR AL-QURAN DAN AL-SUNNAH ABAD 21

Di Malaysia, kadar peratusan individu Islam yang masih tidak dapat membaca al-Quran adalah tinggi. Mereka bukan sahaja tidak dapat membaca al-Quran dengan lancar dan memahami hukum tajwid, malah tidak dapat menyebut makhraj huruf dengan betul. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Masnan Jemali di beberapa buah sekolah menengah di Negeri Perak, kadar peratusan pelajar yang boleh membaca al-Quran adalah rendah iaitu sebanyak 34.5 peratus. Kebanyakan pelajar masih tidak mampu menyebut makhraj huruf dengan betul, tidak memahami hukum tajwid dengan baik dan kurang mengenal tanda-tanda bacaan yang terdapat di dalam al-Quran.³⁵

Kajian yang hampir sama turut dilakukan oleh Zulkifli Mohd Yusoff terhadap pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah terpilih di Negeri Terengganu juga memberikan hasil yang lebih kurang sama iaitu kira-kira 60 peratus pelajar dari jumlah keseluruhan 320 pelajar yang telah diuji adalah buta huruf dan tidak dapat membaca al-Quran dengan baik.³⁶ Selain itu, berdasarkan

³⁴ Tengku Nor Husna Tengku Jamil & Gazilah Mohd Isa. (2021) Amalan Kreativiti Rasulullah SAW dalam Pendidikan Islam Berdasarkan Analisis Hadis Dan Sirah Nabawiyah', *4th International Islamic Heritage Conference 2021 (ISHEC '21)*, 46.

³⁵ Masnan Jemali. (2005). Tahap Penguasaan al-Qur'an di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Perak. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke 4. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.

³⁶ Mohd Yakub Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff & Saidi bin Mohd. (2008). Keupayaan Bacaan Al-Qur'an di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu. *Journal of al-Quran and al-Hadith* 6, 58-85.

dapatan kajian yang telah diperolehi oleh Siti Fatimah Sudin juga menunjukkan hasil yang hampir sama iaitu tahap penguasaan ilmu al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah adalah rendah.³⁷ Penguasaan ilmu al-Quran yang lemah bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar di peringkat rendah dan menengah. Malah turut membarah dalam kalangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi. Hal ini telah dibuktikan menerusi kajian yang telah dilakukan oleh Unit Kemajuan Islam, UiTM, Shah Alam terhadap sebilangan mahasiswa di UiTM dan hasilnya mendapati 21 peratus sahaja yang melepasi tahap pembacaan yang lancar.³⁸

Untuk memudahkan dan meningkatkan pembacaan ilmu al-Quran dan juga ilmu hadis, pelbagai inovasi pembelajaran digital telah dilakukan antaranya:

I. Al-Quran Digital

Al-Quran digital merupakan satu lagi inovasi yang sangat bermanfaat kepada umat Islam. Antara al-Quran digital yang popular di Malaysia ialah eQalam yang dikeluarkan oleh syarikat My Qalam (M) Sdn Bhd. eQalam ini dapat membantu para pengguna membaca al-Quran, meningkatkan mutu bacaan dari aspek tajwid dan makhraj huruf dan memudahkan pengguna menyemak dan meningkatkan mutu bacaan di samping memudahkan proses pembelajaran al-Quran. Kelebihan eQalam adalah mudah dibawa ke mana-mana kerana bentuknya yang kecil dan ringan dan ia juga direka berasingan dari gadget-gadget yang lain. Ia dilengkapi dengan terjemahan dan bacaan dari beberapa qari yang masyhur seperti Syeikh Mishary dan Syeikh al-Sudais. Selain itu eQalam. Bacaan al-Quran di dalam sistem eQalam selamat dan tidak perlu diragui kerana telah disemak dan diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri.³⁹

³⁷ Siti Fatimah Sudin et al. (2005). Keperluan Kursus Kemahiran Membaca Al-Qur'an Di IPT: Kajian Di Uitm Shah Alam. *Jurnal Center for Islamic Thought and Understanding* 1(2), 133-152.

³⁸ Daud Ismail et.al. (2014) Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia. *ISLAMIYYAT* 36(2), 57 - 66

³⁹ Muhammad Firdaus Mohamad Redha Mohamad & Nik Mohd Nabil Ibrahim (2017). 'Inovasi Al-Quran: Kelebihan, Cabaran Dan Solusi', dalam *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad 2017)*, 367-374.

II. Aplikasi Al-Quran Dalam Telefon Pintar.

Seiring dengan penciptaan telefon pintar ialah aplikasi yang pelbagai, tidak terkecuali membina aplikasi al-Quran. Antara aplikasi al-Quran yang dibina ialah al-Quran flash seperti Quran for Android, Al Quran Melayu dan iQuran Lite. Pada peringkat permulaan, aplikasi al-Quran hanya hadir dalam bentuk tulisan sahaja. Kini, aplikasi al-Quran turut dilengkapi dengan sistem audio yang dibaca oleh qari-qari masyhur dan terjemahan dalam pelbagai bahasa yang boleh dimuat turun. Kelebihan aplikasi al-Quran di dalam telefon pintar ialah ia mudah dibawa ke mana-mana. Boleh digunakan ketika sedang menunggu bas, ketika berada di kedai makan dan juga ketika sudah selesai solat. Pengguna juga boleh menggunakan sistem audio sekiranya sedang memandu. Pengguna boleh melihat terjemahan secara terus ketika sedang membaca aplikasi al-Quran ini.⁴⁰

III. Aplikasi Semak Hadis.⁴¹

Ia merupakan salah satu inisiatif untuk membendung gejala penyebaran hadis palsu yang semakin berleluasa seiring dengan perkembangan pesat teknologi media sosial kini. Aplikasi ini mempunyai fungsi carian, penanda, kongsi hadis, glosari hadis dan carian hadis mengikut kategori.⁴²

IV. *Mawsu'ah Hadithiyah*.

Aplikasi ini merupakan aplikasi komprehensif percuma untuk Ensiklopedia Al- Hadithiya yang mengandungi sejumlah besar keupayaan dan ciri lanjutan seperti pencarian pantas terhadap ratusan ribu hadis, bersama dengan ketetapan hadis ke atasnya, mencari

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Nur Husnina binti Naushad, et.al. (2023). Keberkesanan Aplikasi Quran Dan Hadis Dalam Kalangan Pelajar FPQS Sebagai Bahan Pembelajaran Yang Efektif' dalam *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali-8 (PASAK8 2023)*, vol. 8 (USIM, 2023), 972–979.

⁴² Semak Hadis, <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.caliphstudio.semak-hadis&hl>

ensiklopedia hadis yang boleh diakses untuk bukan pakar dan menjelaskan hadis dengan ringkas dan mudah.⁴³

5. CABARAN DALAM PEMERKASAAN PENDIDIKAN QURAN DAN SUNNAH DI ERA DIGITAL

Cabaran yang dimaksudkan di sini adalah kesan-kesan negatif yang berlaku sepanjang penggunaan digital tersebut dan kepada individu yang tidak ada kemampuan untuk menggunakannya. Antara kesan-kesan negatif seperti:

I. Penyalahgunaan digital.

Cabaran yang dihadapi ketika menggunakan teknologi dalam pembelajaran Quran dan Sunnah adalah penyalahgunaan digital tersebut di kalangan pelajar atau remaja. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh “Laporan Keluarga Norton online 2019” mendapati bahawa remaja Malaysia menghabiskan masa mereka selama 18 hingga 20 jam dalam seminggu dengan media sosial. Bahkan yang lebih membimbangkan lagi, sembilan daripada sepuluh remaja Malaysia terdedah kepada perkara negatif daripada penggunaan media sosial. Hal ini boleh menyebabkan mereka menghabiskan banyak masa dalam rumah berbanding di luar dan menyebabkan masalah kegemukan atau “*obesity*.”⁴⁴ Belum lagi terhadap ketagihan dalam penggunaannya sehingga menghabiskan masa lapang mereka dengan media sosial yang mengakibatkan timbul rasa bosan dalam belajar, ponteng sekolah dan prestasi dalam akademik akan menjadi merosot serta ketinggalan dalam Pelajaran.⁴⁵

Al-Quran memberikan solusi penyalahgunaan digital dengan mengajak mereka untuk berlomba-lomba dalam membina aktiviti yang

⁴³ Mausuah Hadithiyah, <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.zad.hadith&hl>

⁴⁴ Nurul Afiza Razali, Noor Hera & Kamarul Azmi Jasmi. (2019). Media Sosial Dan Impak Negatif Menurut Islam’, dalam *Prosiding Seminar Sains Teknologi Dan Manusia 2019 (SSTM 19)*, vol. 1 (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM, 2019), 33–48.

⁴⁵ Jasmi, et.al. (2017). Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian dalam Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiiia Remaja Hebat, Jil. 1.* (57-81). Skudai Johor: Penerbit UTM Press

baik dan bermanfaat. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Maka hendaklah kamu berlumba-lumba dalam kebaikan.” Al-Maraghi di dalam tafsirnya mengatakan bahawa ayat di atas adalah perintah untuk tidak menyia-nyikan masa tetapi mesti bersegera merebut peluang bagi mencapai perkara yang baik dan bersegera dalam melakukan amal soleh untuk kebaikan dunia dan akhiratnya.⁴⁶

II. Kerosakan rohani dan jasmani.

Kesan negatif juga berlaku kepada perkembangan Akhlak di mana penggunaan media sosial juga menyebabkan remaja lebih cenderung kepada gejala negatif. Hal ini kerana, media sosial banyak memaparkan gambar yang tidak sopan dan budaya baru yang menjadi ikutan dalam kalangan remaja masa kini.⁴⁷ Mengundang maksiat dan dosa seperti melihat pakaian pakaian yang tidak menutup aurat, dapat mengundang zina hasil dari menyiarkan gambar gambar yang mengundang keghairahan penyebaran gambar lucah ini sangat berbahaya dan dapat menjatuhkan maruah seseorang individu itu.⁴⁸

Menjadikan teladan sebagai rujukan utama dalam melaksanakan akhlak yang baik dalam diri. Realisasi teladan oleh Al-Quran merupakan kaedah yang cukup kuat pengaruhnya kerana Al-Quran bukan sekadar ayat-ayat yang dibaca dan didengar, malah Al-Quran telah diterjemahkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai suri teladan dalam kehidupan umat Islam.⁴⁹ Allah SWT berfirman (yang bermaksud): Demi sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik (uswah hasanah), iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (redha Allah) dan (kebaikan). pahala di akhirat, dan dia juga banyak menyebut dan mengingati Allah (dalam masa susah dan senang)

⁴⁶ Ahmad bin Mustafa al-Maraghi, Tafsir Al-Maraghi, jil. 6, 132.

⁴⁷ Nurul Afiza Razali, Media Sosial Dan Impak Negatif Menurut Islam, 33–48.

⁴⁸ Nordin, Nur Hidayu and Mohammad, Nur Syuhada and Mohamad, Ahmad Marzuki (2019) Media Sosial dan Instagram Menurut Islam dalam *Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 15hb. Disember 2019, DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM.

⁴⁹ Nasarudin Desa et al., (2018) Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam, *Jurnal Al-Turath* 3, (1), 55–63.

(Al-Ahzab: 21).⁵⁰ Pembentukan akhlak yang mengambil Nabi Muhammad sebagai contoh menunjukkan modal insan yang cemerlang kerana Rasulullah SAW adalah terjemahan al-Quran itu sendiri.

- III. Percampuran antara maklumat yang benar dan palsu. Selain itu, berlaku percampuran antara maklumat yang benar dan palsu, kebergantungan kepada maklumat tanpa merujuk sumber asal, seperti percampuran antara hadis sahih dan hadis palsu, penyebaran hadis palsu (hadis mawdu') doktrin golongan anti hadis dalam mencipta kekeliruan terhadap hadis. Salah faham khabar Isra'iliyat dalam penafsiran makna hadis. Serangan jenayah siber terhadap matan hadis. Kelemahan ketika proses pemindahan data hadis ke dalam visual digital.⁵¹

Al-Quran telah memberikan panduan agar setiap berita yang datang perlu ditapis atau bertabayun. Firman Allah SWT (yang bermaksud): "Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu. (Al-Hujurat: 6). HAMKA mengatakan bahawa pada zaman modern ini berita dari seorang fasik tersebut dimasukkan dalam kategori fitnah yang dibuat sehingga masyarakat menjadi heboh yang membawa kepada konflik dan merosakkan keharmonian. Kemudian HAMKA memberikan solusi untuk mencapai keharmonian dan kemakmuran dalam sebuah negara maka perlu mengatasi dan menghalang tersebarnya gosip atau fitnah⁵² serta menggunakan kecerdasan fikiran kerana ramai yang tidak dapat menimbang antara benar dan salah kerana telah hilang kecerdasan fikiran.⁵³ Kata HAMKA ini menunjukkan bahawa tabayun merupakan sikap yang akan

⁵⁰ Surah al-Ahzab: 21.

⁵¹ Shahril Nizam Zulkpli et.al. (2021). Pemeliharaan Hadis Dalam Era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0): Isu Dan Cabaran. *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 7(2), 95–106.

⁵² HAMKA. (1987). *Tafsir Al-Azhar*, 1st ed, jil. 6. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1602.

⁵³ Ibid.

mencerdaskan akal fikiran kita sehingga dapat membezakan berita yang benar dari yang palsu, yang sahih dari yang sesat.

IV. Pengurangan pembelajaran secara natural (*talaqqi*).

Cabaran yang berlaku terhadap al-Quran digital ialah penggunaan gadget ini secara meluas mengurangkan berlakunya proses pembelajaran secara natural (*talaqqi*). Proses *talaqqi* al-Quran ialah satu proses pelajar bertemu guru untuk mempelajari cara membaca al-Quran dengan tepat. *Talaqqi* al-Quran adalah satu proses sangat penting kerana ia diamalkan sejak penurunan al-Quran oleh malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad SAW.⁵⁴ Selain itu, terdapat golongan yang terpinggir dari kalangan orang-orang dewasa, orang tua, kanak-kanak dan juga mereka yang tidak memiliki kemampuan untuk memiliki digital kerana kesempitan hidup bahkan masih ramai lagi pelajar sekolah tidak tahu membaca al-Quran. Contohnya pelajar sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, golongan Muallaf MACMA (Malaysian Chinese Muslim Association), bahkan lebih kurang 10.000 ribu dari pelbagai lapisan masyarakat dan kira-kira 3000 guru yang telah belajar secara natural (*face to face*) dengan menggunakan kaedah ABAHATA yang diperkenalkan oleh Institut Pengajian Islam (IPaQ).⁵⁵

6. KAEDAH ABAHATA SOLUSI PEMBELAJARAN AL-QURAN SECARA PANTAS

Di Malaysia, pelbagai kaedah baharu telah diperkenalkan dalam mempelajari al-Quran. Antara kaedah-kaedah pembelajaran al-Quran kontemporari yang telah diperkenalkan seperti Teknik al-Baghdadi, Iqra' at-Taisir, Kaedah Hattawiyah, Kaedah Haraki, Kaedah al-Matien dan Kaedah ABAHATA. Namun begitu, yang menarik adalah Kaedah ABAHATA dalam pembelajaran al-Quran di mana kaedah tersebut telah berhasil membantu lapisan masyarakat dan umur dalam membaca al-Quran dan menulisnya dalam tempoh 30 jam.

⁵⁴ Mohamad Redha Mohamad, et.al. (2017). Inovasi Al-Quran: Kelebihan, Cabaran Dan Solusi. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 367-374.

⁵⁵ Hasil temu bual dengan dengan Ketua Pengurusan IPaQ (Institut Pengajian al-Quran) Puan Sharifah Mohd Nor pada 10 Oktober 2023. Beliau juga adalah pakar pengajaran kaedah ABAHATA di IPaQ.

Kaedah ini telah digunakan oleh IPaQ (Institut Pengajian al-Quran) dan termasuk tonggak utama dan keberhasilan IPaQ dalam pembelajaran al-Quran. Kaedah ABAHATA adalah satu pendekatan PdP menarik yang mesra pelajar, mudah, cepat, tepat dan terbukti keberkesannya. Banyak akuan dan testimoni menyatakan kaedah ini telah dan boleh menyenangkan mereka yang hendak belajar membaca al-Quran. Justeru ia boleh menangani masalah literasi al-Quran, yang mana dapatan kajian menunjukkan kadar buta huruf al-Quran agak masih tinggi di kalangan masyarakat Islam. Kaedah ini telah mendapat pengiktirafan rasmi, kaedah telah dinilai secara ilmiah oleh Centre Quranic Research University Malaya (CQR UM), yang menguji keberkesanan kaedah secara pendekatan saintifik.

6.1 Pengolahan Dan Pembangunan Inovatif Kaedah ABAHATA⁵⁶

I. Kaedah Menepati Proses Pembelajaran Semula Jadi.

Pertama sekali Kaedah ABAHATA, dari sisi sistem perjalanan pembelajarannya, ia memang menepati Proses Pembelajaran Semula Jadi (Natural Learning Process), dimana ia patuh mengikut urutan TIGA tahap utama dalam setiap usaha penelaahan pembelajaran, iaitu penyerapan (absorption) pengekalan dalam memori (retention) dan pengingatan semula (recall). Dari sudut ini, Kaedah ABAHATA mempunyai teknik-teknik yang memudah dan memangkin ketigatiga tahap, terutamanya tahap pengekalan dalam memori dan pengingatan semula, tiap-tiap satu pula saling mengukuh di antara satu dengan yang lain.

II. Berasaskan Computational Thinking.

Dari aspek pedagoginya pula kaedah ini mempraktikkan satu dari pendekatan pengkomputeran, dimana pedagogi PdPnya memanfaatkan tatacara *computational thinking*, dengan membuat penyelesaian kepada masalah yang dilihat kompleks, iaitu, pembelajaran ilmu al-Quran, melalui proses *decomposition* atau penguraian masalah atau pemecahan urusan kepada bagian atau komponen-komponen yang minimal atau kecil:





⁵⁶ Institut Pengajian al-Quran. (t.t.) *Prospektus: Maklumat Berkenaan Program-program Pembangunan dan Pengembangan Ilmu al-Quran*. Selangor: Institut Pengajian al-Quran, 12-18.

- a. Dalam ABAHATA ia diuraikan kepada huruf-huruf hijaiyah dan suku kata sebagai bahagian al-Quran yang dipisahkan atau diabstraksi (abstraction) untuk dijadikan landasan pertama dan utama sebagai asas mula PdP. Maka kunci PdP ABAHATA terletak kepada penguasaan pelbagai aspek komponen asas ini: **mengenal, mengingat, dan memahami pola huruf-huruf dan sebutan yang betul di samping kebolehan penulisan rasminya.**
- b. Dari pecahan paling asas, iaitu huruf-huruf hijaiyah, setiap baris mempunyai empat huruf hijaiyah yang disusun membentuk makna yang tersendiri.

ت	ح	ب	آ
ع	س	د	ج
ر	ص	ذ	ث
ض	ر	ش	ع
ظ	ع	ف	ط
ل	ق	م	ك
و	ن	ي	هـ
و	ن	ي	هـ

Rajah 1 Susunan Huruf-Huruf Hijaiyyah Kaedah ABAHATA

- c. ABAHATA meneruskan tahap kedua *decomposition* dengan pemecahan kalimat yang panjang kepada beberapa bahagian yang diwakili oleh palang-palang (menepati asas hukum tajwid).

SURAH, AYAT	CONTOH PADA AYAT	HURUF
﴿ الْقَجْر: ٦ ﴾		م 
﴿ الْإِنْشِرَاح: ١٠ ﴾		ش 

Rajah 2 Pelajaran Huruf Sambung berbaris Sukun,

Buku ABAHATA Jilid 2

- d. Melalui penguraian (*decomposition*) ini ia memudahkan pengenalan, penyerapan dan pengejalan dalam memori dan seterusnya membantu pengingatan huruf-huruf dan pembacaan kalimah-kalimah secara berperingkat.

III. Komponen Penulisan.

Satu inovasi yang diperkenalkan melalui ABAHATA ialah ia bukan sekadar mengajar pembacaan tetapi juga penulisan imlaih dalam PdPnya. Kaedah merangkumkan modul penulisan rasm al-Quran sebagai elemen PdP ABAHATA. Modul ini bukan saja membantu pengetahuan dan kemahiran penulisan rasm (jawi), malahan ia mengukuh (*reinforcement*) pengenalan, pengingatan dan pemahaman rasm al-Quran, bermula dari huruf-huruf hijaiyah membawa kepada huruf-huruf yang disambung hingga kepada fungsi baris-baris dan tanda-tanda. (ABAHATA adalah satu-satunya kaedah pembelajaran al-Quran yang mempunyai penulisan rasm al-Quran sebagai modul dalam PdP, menepati surah al-'Alaq)

IV. Pedagogi Pengajaran Lain.

- a. Pembantu Daya Ingatan. Paksi kekuatan dan pemudah cara PdP asas ABAHATA ialah ia mempunyaipembantu daya ingatan atau memory aids melalui beberapa teknik khusus yang membuatkan kaedah ini mesra pelajar, mudah, cepat dan tepat.

Lagu Titian Ingatan.

- i. Didasarkan kepada huruf-huruf hijaiyah dengan irama Selawat Badar (tempo deras). Ini membolehkan pelajar dari aras sifar yang buta huruf, mengenal dan mengingat huruf-huruf hijaiyah dalam waktu yang amat singkat, (berbanding dengan kaedah tradisi).
- ii. Dikunci dengan sebutan vokal bagi menekankan makhraj supaya fasohah/nada (pitching) untuk setiap huruf hijaiyyah yang meliputi tanda-tanda dan baris-baris utama dari awal pembelajaran dapat dibaca dan

diterapkan dengan betul. Justeru, Titian Ingatan ini memudahkan pemahaman dan pengamalan sebutan makhraj dari titik mula lagi

b. Pergerakan anggota:

Teknik ABAHATA juga menggunakan pergerakan anggota tangan sebagai pengukuh (reinforcement) daya pemahaman dan pengingatan, bukan sahaja untuk huruf-huruf hijaiyyah, tetapi bagi **fungsi baris-baris dan tanda-tanda**.

V. **Pedagogi Pengajaran Lain:**

Terdapat juga beberapa teknik penyampaian yang inovatif yang terbukti membantu pelajar-pelajar meningkatkan kebolehan membaca. Dua dari ikhtiar ini ialah:

- a. Kaedah nombor – untuk pengawalan pernafasan sehingga waqaf yang sesuai
- b. Garis palang-palang – untuk membantu pemahaman pembacaan hukum-hukum tajwid.

VI. **Bahan Bantuan Mengajar (BBM):**

IPaQ juga menggunakan pendekatan decomposition computational thinking untuk membangunkan beberapa Bahan-Bahan Bantuan Mengajar (BBM) dan permainan (Games) sebagai sebahagian daripada PdP. Teknik-teknik pendukung dan pemudah cara PdP ini telah membantu meringankan proses pembelajaran kerana ia menarik dan terlaksana secara aktiviti dan yang santai. Di antara bentuk-bentuk permainan dan aktiviti-aktiviti PdP ABAHATA IPaQ adalah: Pergerakan anggota, Penyusunan Titian Ingatan, Puzzle ABAHATA, Kad Imbasan (Flashcard) Huruf Hijaiyyah, Kad Imbasan (Flashcard) untuk Fungsi-fungsi baris dan tanda, Kalendar ABAHATA, Dam Ular, Dadu Abjad, Dadu Baris, Telur Abjad.

6.2 Pelaksanaan PdP

Berdasarkan beberapa ciri kekuatan ABAHATA dari segi pola dan asas pengolahannya, ia telah memudahkan pembangunan tata-cara PdP yang dapat

memungkinkan dan memudahkan lagi keberhasilan usaha. Antara aspek tata-cara pelaksanaan yang dibolehkan oleh Teknik dan PdP ABAHATA adalah:

I. Berjadual dan bermodul.

Berbanding dengan beberapa kaedah lain ABAHATA mempunyai sukatan pelajaran atau silibus yang dilaksana secara berjadual, mengikut tahap dan jam pembelajaran. Ini membolehkan kemajuan diukur. (Kaedah pembelajaran tradisi lazimnya tidak diikat kepada jadual bersasar, seolah-olah seperti "*a never ending story*" di mana pengakhiran atau penamatan pembelajaran tidak ditetap dari awal.

II. Jadual sasaran pencapaian.

Kaedah IPaQ ini dirangka dengan modul-modul berjadual yang diikat kepada jam pembelajaran, di mana kemajuan seseorang pelajar menepati tahapan silibus pembelajaran. Pendekatan PdP yang mampu diunjur dan diukur tahapannya adalah satu kelebihan berbanding dengan kaedah-kaedah tradisi.

Bagi ABAHATA ia dibahagikan dalam tiga fasa, setiap satu untuk pembelajaran 10 jam. Maka di akhir tiap-tiap satu peringkat pencapaiannya boleh diduga dan di akhir 30 jam bagi pelajar-pelajar biasa dia sudah boleh membaca huruf-huruf sambung, dan membaca ayat-ayat dengan makhraj betul, di samping penulisan rasm al-Quran.

III. Pembelajaran Berkelompok (*Jama'ie*)

Tidak berteraskan pembelajaran talaqqi musyafahah (one-to-one), tetapi boleh merangkumkan sebilangan pelajar diajar serentak. Pendekatan PdP secara ramai atau berkumpulan ini amat ekonomikal dari segi masa, tenaga dan dana. Dalam Kaedah ABAHATA, pembelajaran secara talaqqi musyafahah akan diadakan setelah pelajar mengenal dan memahami huruf-huruf, baris-baris dan tanda-tanda.

IV. Daya-tarik pembelajaran

Pendekatan dan teknik PdP "fun and active learning", yang tidak memberi tekanan, membuatkan pembelajaran menarik, mudah, mesra pelajar, dan cepat untuk difahami dan dikuasai.

V. **Penjimatan Masa.**

Tatacara pelaksanaan PdP yang membolehkan tempoh pembelajaran yang singkat, memungkinkan penjimatan masa untuk belajar, iaitu satu ciri yang meringankan beban penjadualan pembelajaran.

VI. **Pemangkin Daya Ingatan.**

Mempunyai teknik membantu penyerapan (absorption) pengekal (retention) dan pengingatan semula (recall) bahan yang dipelajari melalui penggunaan bantuan ingatan ("memory aids") kaedah-kaedah

VII. **Jadual sasaran pencapaian.**

Kaedah-Kaedah IPaQ dirangka dengan modul-modul berjadual yang diikat kepada jam pembelajaran, di mana kemajuan seseorang pelajar menepati tahapan silibus pembelajaran. Pendekatan PdP yang mampu diunjur dan diukur tahapan pencapaiannya adalah satu kelebihan berbanding dengan kaedah tradisi.

VIII. **Ada Komponen Belajar dan Mengajar.**

Program mempunyai dua komponen: untuk melahirkan:

- a. Tenaga pengajar melalui ToT (Training of Trainers) atau Latihan Tenaga Pengajar (LTP); di samping
- b. Kelas pembelajaran biasa (Kelas Celik al-Quran-KCQ), dan
- c. Kelas Tahsin (memperelokkan bacaan) al-Quran (KTQ)

6.3 **Perolehan Kelebihan Kaedah**

Hasil dari ciri-ciri pedagogi dan tata-cara berinovatif Kaedah ABAHATA terzhirlah beberapa faedah:

I. **Daya-tarik pembelajaran**

Pendekatan dan teknik PdP yang "menyeronok dan aktif" atau "fun and active learning", yang tidak membosankan dan memberi tekanan, malahan membuatkan pembelajaran menarik, mudah, mesra-pelajar, dan memudahkan kebolehbelaian, justeru senang untuk difahami dan dikuasai. Pendekatan ini juga memungkinkan daya pembelajaran kerana ia amat menminimakan, atau menyahkan keperluan hafalan, kerana ia lebih menitikberatkan pengenalan dan pemahaman.

II. Penjimatan Masa

Tatacara pelaksanaan PdP yang membolehkan tempoh pembelajaran yang singkat, memungkinkan penjimatan masa untuk belajar, iaitu satu daya-tarik yang meringankan beban penjadualan pembelajaran. Maka penggunaan Kaedah ABAHATA telah terbukti membolehkan pelajar-pelajar yang bermula dari aras sifar mempunyai asas mantap untuk membaca al-Quran dengan asas tajwid (makhraj) serta menulis rasm al-Quran dalam tempoh 20 hingga 30 jam pembelajaran.

III. Perolehan Pengetahuan dan Kemahiran Tambahan.

Kaedah ABAHATA membolehkan seseorang memperoleh tambahan ilmu, bukan sekadar membaca al-Quran sahaja, tetapi dia juga boleh mempraktikkan sebutan asas tajwid (makhraj) dari titik mula semasa mengenal huruf-huruf hijaiyah lagi. Disamping itu dia juga boleh dapat mengetahui penulisan rasm al-Quran sebagai nilai tambah.

6.4 Penggunaan Teknologi

IPaQ juga tidak mahu ketinggalan dalam penggunaan teknologi dalam PdP kaedah-kaedahnya. Maka satu dari usaha yang telah dimulakan untuk memanfaatkan teknologi ialah penggunaan peranti pena beraudio (audio pen) untuk membangunkan buku-buku dan *flip-chart* (Carta Selak) ABAHATA dan mushaf al-Quran per kata, berwarna, bertajwid dan beraudio. Usaha ini sedang dilaksanakan untuk direalisasikan. Pemanfaatan pelbagai inovasi dalam ABAHATA untuk PdP telah membantu menjadikan kaedah ini mesra pelajar, mudah, cepat, dan tepat. Satu lagi faedah dari penginovasian dalam PdP ABAHATA ialah telah merapatkan jurang komunikasi bagi peserta yang tidak mahir dalam Bahasa Malaysia.

Di Kemboja umpamanya dalam Kursus Latihan Tenaga Pengajar (LTP/ToT) melibatkan 118 orang peserta-peserta guru al-Quran, hanya sekitar 35% sahaja peserta yang boleh berbahasa Malaysia (loghat Pattani / Kelantan) dan tidak boleh berbahasa Inggeris, sementara Bahasa pengantar dan penyampaian kursus ABAHATA menggunakan Bahasa Malaysia. Namun kerana pedagogi ABAHATA dan teknik penyampaiannya, keseluruhan peserta telah boleh menguasai Kaedah ABAHATA dalam empat hari latihan.

6.5 Contoh-Contoh Sasaran Pelaksanaan Kaedah ABAHATA

BIL	KCQ (KELAS CELIK AL-QURAN)
1	Kelas Tahsin Al-Quran (KTQ) 30 Juzu' dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Insan MAIWP
2	Majlis Khatam Al-Quran "Jom Celik Al-Quran
3	Kelas Celik Al-Quran (KCQ) Kaedah Abahata Bagi Pelajar-Pelajar Kompleks Dar Assaadah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
4	Interim Kelas Islah Nafsi Celik Al-Quran (KIN-CQ) di Darul Kifayah
5	Kelas Quran, Fardu Ain Dan Akhlak (Qulafa) Di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)
6	Interim Quran to you (Q2u) Ibnu Sabil / Fisabilillah
7	Kursus Pembelajaran Al-Quran Cara Pantas (KPQP) Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics (KTAC)
8	Kelas Celik Al-Quran (KCQ) Untuk Asnaf/Dan Miskin Di Ppr Kawasan-Kawasan Parlimen Kuala Lumpur
9	Kelas Tahsin Al-Quran (KTQ) Untuk Asnaf/Dan Miskin Di PPR Kawasan-Kawasan Parlimen Kuala Lumpur
10	Program Faqihah: Pemahaman Al-Quran Untuk Asnaf Di PPR Kawasan-Kawasan Parlimen Kuala Lumpur Kaedah Sekejap Faham Al-Quran (SFAQ)
11	Kelas Islah Nafsi Celik Quran (Kin-CQ) Untuk Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)
12	Kelas Celik Al-Quran (KCQ) di Rumah Pengasih
13	Kelas Celik Al-Quran (KCQ) & Kelas Tahsin Al-Quran (KTQ) di Asrama Bahagia, Kampung Pandan, Kuala Lumpur
14	Interim Kelas Celik Al-Quran (KCQ) untuk Masyarakat Terpinggir Ibu Kota (Kg Pantai Dalam, Kg Chubadak Tambahan, Kg Malaysia & Kg Malaysia Tambahan)
15	Miqat: Menyantuni Ibnu Sabil Melalui Al-Quran untuk Melahirkan Tenaga Pengajar
16	Interim Kelas Tahsin Al-Quran (KTQ) untuk Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA)
17	Kelas Celik Al-Quran (KCQ) Untuk Asnaf / Dan Miskin Ppr Parlimen Kuala Lumpur
18	Kem Pdp Ekspres Al-Quran ABAHATA Kepada Pelajar-Pelajar Yang Tercicir Pelajaran Akibat Pandemik Covid 19

19	Kursus Lanjutan Bagi Pemantapan Pengetahuan dan Kemahiran Pedagogi PdP Al-Quran Kaedah-Kaedah IPAQ Untuk Memungkinkan Pengkhataman Pelajar-Pelajar Tadika Islam MAIWP
20	Program Pdp Al-Quran Sebagai Pengisian Ilmu Hingga Khatam Untuk Penghuni Dan Penduduk Kejiranan Darul Ilmi Sebagai Memanfaatkan Rumah Waqaf

BIL	TOT (TRAINING OF TRAINER)
1	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA ustazustazah.com
2	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Guru-guru PPD Kelantan (Siri 1).
3	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Guru-guru PPD Kelantan (Siri 2).
4	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Pulau Mabul.
5	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Akademi Pengajian Al-Quran Semporna (APaQS).
6	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Tadika MAIWP.
7	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)
8	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Kemboja.
9	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Melaka.
10	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Pusat Pengajian Al-Quran (PPaQ)
11	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
12	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Pulau Pinang
13	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Pusat Tarbiyah Islamiyah Chetok (Komtik), Kelantan.
14	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA JPWPKL.
15	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Program Taqwa.
16	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA Tadika MAIWP.
17	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA AQTAS
18	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA YADIM.
19	Kursus Latihan Tenaga Pengajar Kaedah ABAHATA USIM

7. KESIMPULAN

Pemeriksaan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah perlu ditingkatkan bagi menghadapi abad ke-21 dengan mengikuti empat prinsip proses pembelajaran, yaitu: *Learning to know* (belajar untuk menguasai pengetahuan), *learning to do* (belajar untuk mengetahui keterampilan), *learning to be* (belajar untuk mengembangkan diri), dan *learning to live together* (belajar untuk hidup bermasyarakat). Peningkatan pemeriksaan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah abad 21 memerlukan inovasi melalui pembelajaran secara digital seperti al-Quran Digital, aplikasi Al-Quran dalam Telefon Pintar, Aplikasi Semak Hadis, Mausuah Hadithiyah dan sebagainya. Namun begitu penggunaan digital dalam Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah tidak dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat dan tetap Sahaja Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah memerlukan kepada Pendidikan atau pembelajaran secara natural. Salah satunya adalah kaedah ABAHATA yang sangat memberi impak yang tinggi di mana hampir 10000 pelajar telah pandai membaca al-Quran bermula dari zero dalam tempoh 30 jam dan hampir 3000 guru yang mendapat latihan menggunakan kaedah ini dalam pembelajaran dan pembacaan al-Quran.

RUJUKAN

- Abd Hamid, M. A., Khalid, E., Hassan, Z., & Abu Kassim, O. (2003). Pendidik Kreatif Sebagai Teras Transformasi Literasi Kreatif Di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, 19-21 Oktober 2003, Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru.*
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (t.t) *Ihya' 'Ulum Al-Din* (Jil. 1). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Abu Hatim Muhammad ibn Hibban ibn Ahmad al-Tamimi al-Busti, (Hadis no. 620 jil. 2) *.Sahih Ibn Hibban.* Beirut: Mu' assasah al-Risalah.
- Ahmad bin Mustafa al-Maraghi. (1946). *Tafsir Al-Maraghi*, cet. ke-1, jil. 4. Mesir: Syirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ahzami Samiun Jazuli. (2006). *Kehidupan Dalam Pandangan Al Qur'an*, 1st ed. Jakarta: Gema Insani.
- Ana Maritsa et al. (2021). Pengaruh Teknologi Dalam Dunia Pendidikan. *Al-Mutharahab: Jurnal Penelitian Dan Kajian Sosial Keagamaan* 18, (2).
- Cucu Sutianah. (2022). *Perkembangan Peserta Didik.* Jawa Timur: Penerbit Qiara Media.
- Daud Ismail et.al. (2014) Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia. *ISLAMIYYAT* 36(2).

- Dian Rahadian. (2017). Teknologi Informasi Dan Komunikasi (TIK) Dan Kompetensi Teknologi Pembelajaran Untuk Pengajaran Yang Berkualitas, *Jurnal Teknologi Pendidikan Dan Pembelajaran* 2, (1).
- Djuwairiah Ahmad. (2023). *Pembelajaran Berorientasi HOTS: Higher Order Thinking Skills*. Yogyakarta: Nas Media Pustaka, 2.
- HAMKA. (1987). *Tafsir Al-Azhar*, 1st ed, jil. 6. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hasil temu bual dengan dengan Ketua Pengurusan IPaQ (Institut Pengajian al-Quran) Puan Sharifah Mohd Nor pada 10 Oktober 2023. Beliau juga adalah pakar pengajaran kaedah ABAHATA di IPaQ.
<https://mtsmu2bakid.sch.id/4c-keterampilan-abad-21-dalam-al-quran/> oleh Sahroni, S.Pd.I., M. Pd.
- Institut Pengajian al-Quran. (t.t.) *Prospektus: Maklumat Berkenaan Program-program Pembangunan dan Pengembangan Ilmu al-Quran*. Selangor: Institut Pengajian al-Quran.
- Jamali, R. A., & Kasim, T. S. A. T. (2020). Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dalam Pengajaran Tarannum Al-Quran. *International Journal of Modern Education*, 2(7).
- Jasmi, et.al. (2017). Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian dalam Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiaa Remaja Hebat, Jil. 1*. (57-81). Skudai Johor: Penerbit UTM Press
- Masnan Jemali. (2005). Tahap Penguasaan al-Qur'an di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Perak. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke 4. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mausuah Hadithiyyah, <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.zad.hadith&hl>
- Mohamad Redha Mohamad, et.al. (2017). Inovasi Al-Quran: Kelebihan, Cabaran Dan Solusi. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Yakub Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff & Saidi bin Mohd. (2008). Keupayaan Bacaan Al-Qur'an di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Negeri Terengganu. *Journal of al-Quran and al-Hadith* 6.
- Muhammad bin Isma`il al-Bukhari. (2001). *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, 1st ed. Mesir: Dar Tuq al-Najah.
- Nasarudin Desa et al., (2018) Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam, *Jurnal Al-Turath* 3, (1).
- Noor Muslieh et al., (2022) 'Elemen Kolaborasi Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Heutagogi', *Jurnal Dunia Pendidikan* 4, (1).

- Nordin, Nur Hidayu and Mohammad, Nur Syuhada and Mohamad, Ahmad Marzuki (2019) Media Sosial dan Instagram Menurut Islam dalam *Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 15hb. Disember 2019, DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM.
- Nur Adibah Liyana Awi dan Hafizah Zulkifli., (2021). Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad Ke-21', *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4, (1).
- Nur Husnina binti Naushad, et.al. (2023). Keberkesanan Aplikasi Quran Dan Hadis Dalam Kalangan Pelajar FPQS Sebagai Bahan Pembelajaran Yang Efektif' dalam *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali-8 (PASAK8 2023)*, vol. 8 (USIM, 2023).
- Nurul Afiza Razali, Noor Hera & Kamarul Azmi Jasmi. (2019). Media Sosial Dan Impak Negatif Menurut Islam', dalam *Prosiding Seminar Sains Teknologi Dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, vol. 1 (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM, 2019).
- Ristek Muslim, Kamus Arab Indonesia (Digital Dictionary).
- Sahroni, S.Pd.I., M.Pd. Diakses pada 12/9/2023
<https://mtsmu2bakid.sch.id/4c-keterampilan-abad-21-dalam-al-quran/>
- Semak Hadis,
<https://play.google.com/store/apps/details?id=com.caliphstudio.semakhadis&hl>
- Shahril Nizam Zulkipli et.al. (2021). Pemeliharaan Hadis Dalam Era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0): Isu Dan Cabaran. *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 7(2).
- Siti Fatimah Sudin et al. (2005). Keperluan Kursus Kemahiran Membaca Al-Qur'an Di IPT: Kajian Di Uitm Shah Alam. *Jurnal Center for Islamic Thought and Understanding* 1(2).
- Slamet Suyanto. (2023). *Inovasi Dan Difusi Inovasi Pendidikan: Pendidikan Biologi*. Yogyakarta: Nas Media Pustaka.
- Sulkifli and Muhtar. (2021). Komunikasi Dalam Pandangan Al-Quran', *Pappasang* 3(1).
- Tengku Nor Husna Tengku Jamil & Gazilah Mohd Isa. (2021) Amalan Kreativiti Rasulullah SAW dalam Pendidikan Islam Berdasarkan Analisis Hadis Dan Sirah Nabawiyah', *4th International Islamic Heritage Conference 2021 (ISHEC '21)*.
- Wahyu Ilahi. (2010). *Komunikasi Dakwah*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak and Mohd Isa Hamzah. (2021). Kolaborasi dalam Penghasilan Inovasi Pengajaran. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 32 (2).

- Yohannes Marrayono Jamun. (2018). Dampak Teknologi Terhadap Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Dan Kebudayaan Missio 10* (1), 1–136.
- Zakaria Stapa. et. al. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah, *Jurnal Hadhari Special Edition*.